

## SILAT

# Sheik Farhan kini anggota Hall of Fame

MEMENANGI kejuaraan dunia di Phuket bulan lalu bukan sesuatu yang mengejutkannya kerana beliau memang memburu kemenangan setiap kali melangkah ke gelanggang.

Namun juara dunia Sheik Farhan Sheik Alau'ddin berkata beliau kurang bersedia dengan tumpuan media dan pujian yang mengiringi kemenangannya itu.

"Memang, saya sedang cuba menyesuaikan diri dengan perubahan di sekeliling saya.

"Tapi saya tetap sama. Saya memburu kemenangan dalam apa sahaja pertandingan yang saya sertai," kata Sheik Farhan, 17 tahun.

Semalam, di sebuah majlis khas, penuntut Politeknik Nanyang itu menerima satu lagi pengiktirafan istimewa apabila nama dan gambarnya disertakan dalam *Hall Of Fame* di Pusat Kecemerlangan Silat di Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Dimulakan dalam



**BANGGA DIBERI PENGHORMATAN:** Sheik Farhan akur berasa bangga disenaraikan seiring dengan kumpulan pesilat handal dalam sejarah silat negara. – Foto TUKIMAN WARJI

2005, *Hall of Fame* di Persisi itu diadakan demi menghargai pencapaian pesilat nasional di peringkat dunia dan di Sukan Asia Tenggara (SEA), sementara menjadi sumber inspirasi kepada generasi silat mendatang.

Antara nama bekas pesilat negara yang tertera di dinding dewan itu termasuk bekas juara dunia, Mohamed Zulfakar Mohamed Ramli, Mohamad Hidayat Hosni dan Abdul Kadir Mohamed Ibrahim.

Menurut Farhan, yang

melahirkan penghargaan kepada orang tuanya, penghormatan itu adalah sesuatu yang membuatnya berasa bangga dan membakar semangatnya agar terus mencapai kemenangan. ► **NORMAN SAWI**